

01 AUG 1997

PERJANJIAN BAKUN PERLU KAJIAN SEMULA

Oleh: Siti Hawa Othman

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Fasal-fasal tertentu dalam perjanjian projek empangan Bakun perlu dirunding semula dan bagi Asea Brown Boveri Ltd adalah untuk menyetujuinya atau ia mungkin menghadapi risiko kemungkinan pihak lain mengambil alih pembinaan projek itu, satu sumber industri memberitahu Bernama.

Sumber itu menghujah bahawa pertikaian utama antara Ekran Bhd, pengurus projek itu, dan ABB, kontraktor utama, berkisar sekitar tuntutan untuk lebih kos dan tiada perkara lain.

Kerja ke atas projek itu masih berjalan, termasuk penyimpangan sungai.

Sungguhpun masalah itu telah lama dibincangkan oleh Ekran dan ABB sepanjang enam bulan lalu, sumber itu berkata terdapat saranan bahawa ABB tidak puas hati dengan fasal-fasal yang sedia ada dan mahu berunding semula.

Seorang jurucakap daripada ABB, apabila dihubungi oleh Bernama, mempertahankan pendirian syarikat itu bahawa, sebagai kontraktor utama, ia tidak akan membuat sebarang ulasan secara terbuka manakala perbincangan sedang berjalan.

"Kami anggap perbincangan dengan pelanggan kami adalah rahsia," katanya, sambil menambah bahawa beliau berharap masalah itu akan diselesaikan pada mesyuarat mereka akan datang.

Pengerusi eksekutif Ekran, Tan Sri Ting Pek Khiing, dilaporkan sebagai berkata semasa mesyuarat pada 24 Julai lalu bahawa satu lagi mesyuarat di antara kedua-dua pihak akan diadakan dalam masa dua minggu.

Ekran memegang 32 peratus kepentingan dalam pemaaju projek itu Bakun Hydro-Electric Corporation Sdn Bhd (BHEC) manakala konsortium ABB-CBPO adalah kontraktor kejuruteraan, perolehan dan pembinaan (EPC) bagi empangan Bakun.

Konsortium ABB-CBPO mengandungi ABB Belaga Transmission Sdn Bhd, ABB Power Generation Sdn Bhd dan CBPO (Malaysia) Sdn Bhd. ABB BT dan ABB PG adalah anak-anak syarikat Asea Brown Boveri Ltd manakala CBPO adalah sebuah anak syarikat Companhia Brasileira de Projectos e Obras (CBPO).

Bakun, yang amat penting bagi negara, akan terjejas teruk oleh sebarang kegendalaan, terutamanya daripada segi kos, tetapi satu lagi sumber berkata kedua-dua pihak akan mengambil sedikit masa sebelum mencapai persefahaman.

Juga, perkara mengenai "kekhilapan" dalam memberikan persetujuan dan juga prospek terpaksa menukar kontraktor, katanya tidak baik kepada kerajaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam dilaporkan sebagai berkata bahawa terdapat kemungkinan bahawa kerajaan mungkin campur tangan jika kedua-dua pihak tidak dapat mencapai persetujuan.

Lebih buruk, terdapat juga kemungkinan membatalkan kontrak dan mengambil kontraktor baru sekiranya timbul pertikaian.

Berasaskan kepada perjanjian yang sedia ada, sebarang lebih kos ditanggung oleh BHEC dan bukan ABB, kata Ting.

Beliau memberitahu pemberita semalam bahawa terdapat fasal-fasal dalam kontrak yang cenderung memihak kepada satu pihak kerana ABB boleh menuntut kos lebih yang melebihi nilai kontrak itu.

Apabila ditanya mengenai tahap lebih kos itu, sumber itu mendakwa bahawa ia mestilah mencukupi untuk diadakan kajian semula.

Mengenai calon-calon projek itu yang berkemungkinan sekiranya kontraktor utama yang ada ditinggalkan, sumber itu berkata ia mungkin

mereka yang telah mengemukakan tawaran pada peringkat tender, yang kebanyakannya merupakan konsortium-konsortium yang mengandungi syarikat-syarikat tempatan dan juga asing.

Sementara itu Ting mahu memastikan bahawa terdapat perjanjian yang adil dan bahawa Ekran dan pemegang-pemegang saham lain mempunyai kawalan ke atas kos, ABB mahu mempunyai hak yang bebas dalam memberikan kontrak kecil.

Ting mempertahankan bahawa 40 peratus daripada kontrak-kontrak kecil akan diberikan kepada syarikat-syarikat kecil yang mana 240 telahpun didaftarkan.

"Daripada apa yang dilihat, Bakun bukanlah sebuah projek siap guna," satu sumber lain berkata, sambil menambah di bawah projek siap guna, kontraktor itu perlu menjamin bahawa tidak ada lebih kos.

"Tetapi bagaimana menjamin jika ABB tidak mempunyai kawalan dan kebebasan untuk memberikan kontrak-kontrak kecil?," tanya beliau.

Projek empangan hidroelektrik Bakun berharga RM15.5 bilion yang dicadangkan itu meliputi 69,000 hektar, satu kawasan yang dikatakan lebih besar daripada saiz Singapura. -- BERNAMA

SHO OS/sia